

21 APR 1997

Hungary-Kerjasama

HUNGARY MINAT PELAJARI KONSEP PENSWASTAAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Hungary amat berminat mempelajari kejayaan dan pengalaman Malaysia dalam bidang penswastaaan di samping ingin mempertingkatkan lagi kerjasama dua hala di bidang perdagangan dan ekonomi.

"Hungary juga mempelawa lebih banyak pelabur Malaysia ke negara itu yang sedang dalam proses peralihan daripada ekonomi penguasaan negara kepada ekonomi pasaran terbuka," kata Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar selaku pemangku Menteri Luar.

Beliau memberi taklimat kepada wartawan mengenai rundingan antara Perdana Menteri Hungary, Gyula Horn dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Syed Hamid berkata pada pertemuan lebih sejam itu, kedua-dua pemimpin banyak memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kerjasama dua hala di bidang ekonomi di samping menyentuh perkara kepentingan bersama.

Katanya, Perdana Menteri Hungary itu yang tiba di sini pagi ini untuk lawatan rasmi dua hari, juga menyatakan kecenderungan terhadap kejayaan Malaysia di bidang perlindungan alam sekitar dan mengagumi usaha Malaysia untuk mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Sehubungan itu, Malaysia dan Hungary menandatangani Perjanjian Kerjasama Sainifik dan Teknologi dan satu Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama Promosi Perdagangan antara Perbadanan Pembangunan Dagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang disaksikan kedua-dua Perdana Menteri.

Perjanjian Kerjasama Sainifik dan Elektronik dimeterai oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding manakala Hungary diwakili Menteri Industri, Perdagangan dan Pelancongan, Szabolcs Fazakas.

MoU mengenai kerjasama promosi dagangan pula ditandatangani Pengarah MATRADE Mohd Abdul Halim manakala Hungary diwakili Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pelaburan dan Perdagangan Hungary Dr Mariann Farkas.

Menurut Syed Hamid, Hungary juga menawarkan kepakaran dan pengalaman luasnya di bidang pelancongan kepada Malaysia dan ingin mengetahui lebih lanjut tentang pengalaman Malaysia memajukan taman-taman teknologi serta industri.

Katanya, Hungary juga mempelawa pelabur Malaysia membabitkan diri di negaranya kerana pada masa ini terdapat hanya sebuah bank milik Malaysia di sana, International Commercial Bank dengan modal RM23.75 juta dan sebuah syarikat elektronik, Neutronics Electronic Industries Holding GmbH yang 60 peratus ekuitinya dimiliki pelabur Malaysia.

Menurut Syed Hamid lagi, Dr Mahathir menyarankan supaya Hungary dijadikan pintu masuk bagi barangan Malaysia ke Eropah Timur manakala Malaysia pula boleh dijadikan pintu masuk bagi barangan Hungary ke rantau ini.

Eksport Malaysia ke Hungary tahun lepas bernilai RM146.6 juta manakala import Malaysia dari negara itu bernilai RM48.6 juta.

Horn pula mempelawa Dr Mahathir melawat Hungary dan persiapan sedang diatur bagi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar dan Permaisuri Agong Tuanku Najihah melawat negara itu.

Perdana Menteri Hungary itu juga memberitahu Dr Mahathir yang beliau terpesona dengan pembangunan Langkawi sebagai pusat pelancongan, hasil ilham Dr Mahathir. Horn dan isterinya telah bercuti selama dua hari di Langkawi. -- BERNAMA

ZAB NMO